

17 FEB 1998
Mahathir-Goh
DIMENSI BARU DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Menandakan dimensi baru dalam hubungan yang sering terganggu, Malaysia dan Singapura melangkah ke hadapan dalam beberapa isu dua hala selepas perbincangan antara Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya daripada republik itu Goh Chok Tong di sini, semalam.

Pernyataan bersama yang dikeluarkan hari ini selepas berakhirnya lawatan kerja Goh selama 48 jam menyatakan, persetujuan-persetujuan yang dicapai antara kedua-dua pemimpin itu telah meletakkan "asas yang kukuh" untuk Malaysia dan Singapura bekerjasama dalam alaf akan datang.

Kedua-dua pemimpin itu juga bersetuju untuk menumpukan usaha bagi bekerjasama dalam bidang perbankan serta kewangan dan juga bersama rakan-rakan Asean yang lain untuk mengembalikan kestabilan mata wang serantau.

Para pegawai kedua-dua negara akan mengkaji cadangan menggunakan mata wang serantau dan pilihan lain dalam membiayai perdagangan di kalangan negara-negara Asean.

Malaysia bersetuju untuk meneruskan pembekalan air ke Singapura selepas tamatnya Perjanjian 1961 pada tahun 2011 dan Perjanjian 1962 pada tahun 2061. Jaminan ini akan disahkan dalam perjanjian dalam tempoh 60 hari.

" Apa yang kita telah lakukan ialah memberi jaminan bahawa kita tidak akan menghentikan bekalan air ataupun menamatkannya. Kita akan terus membekalkan air," kata beliau kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong melawat pusat penyiaran All-Asia Broadcast Centre (Astro) di sini, hari ini.

Ditanya mengenai tempoh bagi perjanjian bekalan baru itu, Dr Mahathir berkata keputusan itu tidak dapat dibuat sekarang memandangkan "kita tidak tahu mengenai keadaan pada masa itu."

"Jadi kita tidak boleh buat keputusan sekarang yang akan mengikat kerajaan masa depan," kata Dr Mahathir yang membawa Goh dengan kereta Proton Putra ke Astro di pinggir ibu negara.

Ditanya lagi mengenai respon Singapura terhadap perkara itu, Dr Mahathir berkata terdapat cadangan yang kedua-dua negara membuat perjanjian sekarang juga.

Mengenai permintaan Singapura bagi bekalan tambahan air, Dr Mahathir berkata satu kajian sedang dijalankan dengan mengambil kira keperluan negara di masa depan.

Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli balik air yang sudah ditapis daripada loji milik Singapura di Johor.

Pernyataan itu juga menyatakan pegawai Malaysia dan Singapura juga akan menyambung rundingan dalam tempoh 60 hari untuk menyiapkan satu perjanjian khas bagi merujuk tuntutan bertindih mereka terhadap Pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Rundingan mengenai pulau kecil di luar pantai Johor yang juga dipanggil Pedra Branca oleh Singapura telah berjalan sejak dua tahun lepas.

Kedua-dua kerajaan juga bersetuju untuk mempertingkatkan usaha bagi menyelesaikan soal-soal berkaitan Perkara Yang Dipersetujui (POA) mengenai tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) di Tanjung Pagar, Singapura.

Perjanjian telah ditandatangani di Singapura pada 1990 antara Menteri Kewangan ketika itu Tun Daim Zainuddin dengan Perdana Menteri Singapura ketika itu Lee Kuan Yew untuk memajukan tanah KTM itu.

Dr Mahathir dan Goh bersependapat bahawa mereka perlu berusaha ke arah menggunakan sepenuhnya potensi yang ada dalam hubungan antara kedua-dua negara berdasarkan prinsip "memakmurkan jiran anda" memandangkan keistimewaan hubungan antara kedua-dua negara.

Mereka juga mengakui bahawa krisis kewangan yang dihadapi rantau ini telah menekankan lagi tentang perlunya kedua-dua negara bekerjasama dengan rapat dalam semua bidang yang mungkin.

Malaysia juga menyambut baik pelaburan dari Singapura dan begitu juga dengan Singapura yang turut melahirkan keyakinan penuh terhadap prospek ekonomi Malaysia.

"Dalam hubungan ini, kedua-dua Perdana Menteri menekankan tentang perlunya pemegangan kepentingan secara timbal balas dalam bidang infrastruktur dan sektor ekonomi lain supaya sesebuah negara akan mempunyai kepentingan dalam kemakmuran dan masa depan ekonomi di negara yang satu lagi," kata kenyataan itu.

Mereka menyambut baik penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura oleh sektor swasta untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di samping mengukuhkan lagi sinergi ekonomi dan perniagaan di kalangan pertubuhan perniagaan masaing-masing.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pelancongan termasuk latihan guna tenaga.

Hubungan antara kedua-dua negara terganggu pada tahun lepas, ekoran kenyataan Menteri Kanan republik itu Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor dengan Lee kemudiannya meminta maaf kerana kenyataannya itu.

"Terdapat suasana yang meyakinkan," kata beliau mengenai pertemuan kedua-dua pemimpin itu yang menyentuh isu-isu dua hala dan serantau yang menjadi kepentingan bersama. Satu mesyuarat delegasi antara kedua-dua pihak diadakan selepas pertemuan tertutup itu.

"Mereka juga berbincang mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan hubungan dua hala tidak terganggu," katanya semasa memberi taklimat selepas pertemuan Dr Mahathir dan Goh. -- BERNAMA

RAZ MAM TCL